

**NO. SOALAN: 58**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN  
[ PADANG BESAR ]**

**TARIKH : 26 MEI 2016 (KHAMIS)**

**SOALAN:**

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [ Padang Besar ] minta PERDANA  
MENTERI menyatakan :-**

- (a) apakah impak pengenalan “Indeks Syariah Malaysia” di kalangan rakyat yang beragama Islam dan juga yang bukan Islam dari sudut hala tuju pembangunan negara; dan
- (b) adakah wajar para pemimpin politik dan NGO bukan Islam menentang dan memfitnah Dr. Zakir Naik yang dijemput berceramah di seluruh negara. Apakah langkah pro-aktif Kerajaan mengatasi perkara tersebut.

**JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Indeks Syariah Malaysia (ISM) dibangunkan sebagai satu dimensi baru tadbir urus negara berpaksikan lima prinsip Maqasid Syariah iaitu penjagaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Ia berfungsi sebagai satu alat atau kaedah untuk mengukur secara saintifik sejauhmana usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan dalam memastikan dasar, polisi dan program pentadbiran negara selaras dengan prinsip Maqasid Syariah tersebut.

Bagi memastikan ISM yang dibangunkan tersebut memberi impak dalam memajukan negara, Kerajaan akan terus komited mengaplikasikan lima prinsip universal Maqasid Syariah ini dalam semua dasar dan polisi pentadbiran negara. Penterjemahan secara terfokus prinsip-prinsip utama ini dalam tadbir urus negara mampu memberi impak positif kepada rakyat dan negara dari aspek-aspek berikut:

- (i) jaminan keselamatan, kesejahteraan dan kemakmuran serta perpaduan hidup kepada rakyat sama ada Islam atau bukan Islam;

- (ii) penjagaan dan penghormatan terhadap hak orang bukan Islam dalam mengamalkan agama masing-masing di Malaysia;
  - (iii) kesungguhan Kerajaan dalam menambahbaik kehidupan rakyat berpaksikan prinsip sejagat Maqasid Syariah; dan
  - (iv) pelaksanaan Indeks Syariah Malaysia membuka jalan kepada usaha-usaha *tajdid* (pembaharuan), *islah* (penambahbaikan), *ihya'* (penyemarakan), *tasbit* (pengukuhan) dan *ta'wid* (pembudayaan) dalam mengimarahkan nilai-nilai sejagat Maqasid Syariah dalam tadbir urus negara dan masyarakat merentas agama dan bangsa.
- (b) Berhubung dengan pendakwah Dr. Zakir Naik, beliau merupakan seorang pendakwah yang terkenal dan mendapat tempat di seluruh dunia, bahkan India sendiri telah memberikan tempat dan kebebasan kepada beliau untuk menyampaikan dakwah. Malah Malaysia pernah mengiktiraf Zakir Naik sebagai Tokoh Maal Hijrah Antarabangsa 2013 berdasarkan kepada ketokohan beliau dan keilmuan yang dimiliki. Tokoh perbandingan agama ini sangat dihormati, mementingkan hujah-hujah ilmiah dan akademik serta fakta yang tepat dengan merujuk kepada sumber asal sesuatu agama dalam setiap ceramahnya.

Jelajah ceramah Dr. Zakir Naik bukan menghina agama lain sebaliknya mempromosi perpaduan dan kesatuan dalam kalangan umat Islam. Ceramah yang dijalankan juga langsung tidak

mempromosikan perpecahan dan perbalahan. Malah setiap ceramah beliau sering dihadiri oleh tokoh-tokoh dalam kalangan bukan Islam. Meskipun dalam ceramah-ceramah beliau ada menyebut agama lain, ia bukannya bertujuan mengaibkan sesuatu agama tersebut namun merupakan perbincangan dan perdebatan ilmiah serta akademik yang dilaksanakan dengan penuh hikmah dan ketertiban. Program ini juga telah mendapat kebenaran pihak berkuasa tempatan dan pihak berkuasa agama negeri.

Sehubungan itu, tiada sekatan bagi mana-mana pihak untuk menjemput tokoh-tokoh tertentu dari luar negara bagi menyampaikan syarahan di negara ini selagi mana individu tersebut dibenarkan memasuki negara ini dan pihak penganjur perlu mendapatkan kebenaran daripada pihak berkuasa negeri serta pihak keselamatan. Dalam waktu yang sama, kerajaan sentiasa menggalakkan penceramah yang bersesuaian dan telah dikenalpasti mengamalkan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Sekian, terima kasih.